

MTAQ

**MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN (MTAQ), PULAI CHONDONG
KE ARAH PEMBENTUKAN GENERASI AL-QURAN
SATU KAJIAN MENYELURUH**

OLEH:

NAMA PELAJAR

NO. KPITM

CHE AZMAN BIN CHE YAACOB

95093938

KHAIR BIN HAJI HASSAN

95093801

ROSMAN BIN MOHAMAD JAHIDIN

95093673


ZARIR BIN YAAKUB

95094312

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

APRIL 1999

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT



MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN (MTAQ)
YAYASAN ISLAM KELANTAN
16600 PULAI CHONDONG
KELANTAN DARUL NAIM
NO. TEL.: 09-7878916



SEULAS BICARA

Alhamdulillah, syukur kita semua kehadiran Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayah serta kekuatan yang dikurniakanNya, akhirnya dengan segala rintangan dan cabaran dapat juga kami tempuhinya dan sekaligus membolehkan pihak kami menyiapkan kertas projek yang bertajuk “Maahad Tahfiz Al-Quran Pulau Chondong ke Arah Pembentukan Generasi Al-Quran. Satu Kajian Menyeluruh”.

Alhamdulillah, kami merasa amat berpuashati kerana tajuk kajian yang disediakan ini telah membuka minda kami di mana ianya bukan sahaja membolehkan pihak kami memperolehi pelbagai maklumat mengenai perjalanan MTAQ ini malah dapat meluaskan lagi kefahaman kami berhubung betapa pentingnya dunia Islam hari ini melahirkan masyarakat yang berteraskan Al-Quran atau dengan kata lain berusaha dari sekarang membentuk generasi Al-Quran.

Pengalaman menyiapkan kertas projek ini telah memberi pengalaman yang amat berguna di mana mungkin tidak terfikir sebelumnya untuk dijadikan sebagai satu kajian. Kerjasama baik yang diberikan khususnya oleh pihak MTAQ sendiri telah memberi semangat yang cukup tinggi kepada kami selaku pihak yang membuat penyelidikan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah S.W.T yang amat pemurah lagi amat mengasihani terlebih dahulu kami memanjatkan kesyukuran kerana dengan taufik dan hidayah serta kekuatan yang diberikannya, walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan dan halangan akhirnya dapat juga kami menyiapkan Kertas Projek yang bertajuk ;

**“MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN (MTAQ), PULAI CHONDONG
KE ARAH PEMBENTUKAN GENERASI AL-QURAN. SATU
KAJIAN MENYULURUH”.**

Dalam ruangan ini kami juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama samada secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan kajian Kertas Projek ini khususnya kepada ;

📖 Al-Fadhil Tuan Hj Mohd Mansor bin Hj Daud
Ketua Penolong Pengarah (Pendidikan) YIK

📖 Al-Fadhil Ustaz Ibrahim bin Mat Ali
Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran YIK

📖 Al –Fadhil Ustaz Mohd Nasir bin Hasbullah
Penolong Kanan Maahad Tahfiz Al-Quran YIK

📖 Tuan Penggawa Daerah Pulai Chondong

ABSTRAK

Kertas projek ini bertajuk “**MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN, PULAI CHONDONG KE ARAH PEMBENTUKKAN GENERASI AL-QURAN, SATU KAJIAN MENYELURUH**”. Melalui kertas projek ini penyelidik cuba untuk menyingkap sebanyak mungkin peranan yang di mainkan oleh Maahad Tahfiz Al-Quran (MTAQ), Pulai Chondong dalam membentuk generasi Al-Quran. Bersesuaian dengan penubuhan MTAQ para penyelidik cuba untuk meningkatkan keberkesanan terhadap penduduk setempat serta sokongan dan sambutan masyarakat amnya terhadap penubuhan MTAQ. Melalui kertas projek ini juga para penyelidik cuba menyingkap bentuk sistem pendidikan yang dilaksanakan di MTAQ ke arah pembentukan generasi Al-Quran dan para penyelidik juga dapat membuat perbandingan di antara bentuk sistem yang diamalkan di MTAQ dengan sekolah-sekolah biasa serta keberkesanannya terhadap pelajar dalam membentuk akhlak remaja atau generasi yang akan datang.

Adalah diharapkan dengan cadangan-cadangan yang akan dikemukakan nanti akan dapat membantu MTAQ dan YIK untuk mencapai matlamat dalam menyedarkan masyarakat terhadap pentingnya membentuk generasi baru yang berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah sebaga mana yang pernah dibentuk semasa hayat Rasulullah S.A.W dahulu. Ini kerana merekalah yang akan mengganti barisan hadapan dan kepimpinan yang ada sekarang dan di bahu merekalah segala harapan diletakkan.